

24 OCT 2002

JPN-MyKad

JPN TAMBAH PERKHIDMATAN PENUHI PERMINTAAN MYKAD

PETALING JAYA, 24 Okt (Bernama) -- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sedang membuat persediaan bagi memastikan kad pengenalan pintar MyKad dan Kad Pintar Kanak-Kanak dapat dikeluarkan kepada rakyat pada Januari tahun depan, kata Ketua Pengarahnya Datuk Azizan Ayob.

"Ia adalah selaras dengan pengumuman Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) semasa pembentangan Bajet 2003 pada 20 Sept lalu. JPN akan menambah perkhidmatan bagi memenuhi permintaan terhadap MyKad," katanya pada sidang media mengenai MyKad dan Kad Pintar Kanak-Kanak di ibu pejabat JPN di sini.

Beliau berkata persediaan itu akan memastikan MyKad dapat dikeluarkan kepada 15 juta penduduk yang masih belum memilikinya dalam tempoh tiga tahun bermula 1 Jan, 2003 hingga 31 Dis, 2005.

"Penggunaan kad pintar oleh hampir keseluruhan rakyat Malaysia pada tahun 2005, yang saya jangka, MyKad untuk orang dewasa mungkin dalam 17 juta atau mungkin 18 juta dan kad pintar kanak-kanak, dua atau tiga juta lagi. Jadi lebih kurang 20 juta penggunaan kad pintar di kalangan orang ramai," katanya.

Sehingga kini seramai 2.6 juta penduduk Malaysia telah memiliki MyKad, katanya.

Azizan berkata permintaan untuk MyKad dijangka meningkat dari 10,000 permohonan kepada 15,000 permohonan kad sehari tahun depan.

Jumlah ini dijangka terus meningkat kepada 20,000 permohonan sehari menjelang tahun 2005, katanya.

Bagi menampung pertambahan permintaan untuk membuat MyKad, Azizan berkata JPN merancang beberapa pendekatan baru termasuk membuka 29 lagi cawangan JPN dan mewujudkan 78 lagi kaunter MyKad di seluruh negara khususnya di kawasan ramai penduduk.

Selain itu, JPN akan mengadakan perkhidmatan unit bergerak bagi kawasan pedalaman dan kawasan yang akan ditentukan, mewujudkan kaunter fleksi di semua cawangan dengan membolehkan kaunter-kaunter lain menerima permohonan MyKad, meningkatkan kemudahan sistem pengkomputeran serta menambah masa bekerja untuk memudahkan orang awam berurusan.

Katanya kerajaan memutuskan untuk memberi secara percuma MyKad kepada pemohonan kali pertama bagi menggantikan kad pengenalan plastik (KP) dan kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) serta permohonan mereka yang berumur 12 tahun.

"Bagaimanapun pengecualian bayaran permohonan MyKad ini hanya diberikan untuk tempoh tiga tahun sahaja. Selepas tempoh itu, bayaran memproses dikenakan seperti biasa," katanya.

Ketika ditanya sama ada orang ramai yang kehilangan KP atau KPT boleh mendaftarkan secara percuma MyKad, Azizan berkata mereka akan dikenakan bayaran denda dan bayaran proses seperti sedia ada.

Bayaran untuk mendapatkan MyKad ialah RM20 bagi penduduk sekitar Lembah Klang dan RM10 di kawasan lain di seluruh negara manakala denda yang dikenakan ialah RM30 bagi kesalahan kali pertama dan meningkat kepada RM50 dan RM100 bagi kesalahan kali kedua dan ketiga.

Menyentuh mengenai Kad Pintar Kanak-Kanak, beliau berkata mulai 1 Jan 2003, kerajaan akan mengeluarkan kad berkenaan kepada semua kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun.

"Kad ini berasaskan kepada MyKad juga tetapi ia tidak mempunyai gambar dan cap jari. Ia berfungsi seperti sijil kelahiran. Bagaimanapun JPN akan

mendapatkan kelulusan Kerajaan mengenai perkara-perkara dasar sebelum ia dapat dilaksanakan," katanya.

Azizan berkata kad itu mempunyai butir-butir sijil kelahiran, maklumat asas kesihatan dan maklumat asas mengenai pendidikan kanak-kanak itu.

Kad berkenaan juga boleh membantu ibu bapa menggunakannya secara elektronik dan mengurangkan karenah mengisi borang semasa berurusan dengan pihak sekolah, hospital, bank dan sebagainya.

Kad Pintar Kanak-Kanak mula dilaksanakan secara perintis di Ibu Pejabat JPN Petaling Jaya, JPN Ipoh, JPN Maluri dan JPN Kuala Lumpur dan seterusnya ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

-- BERNAMA

FA MFJ NAK